



**MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM**

IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, 16300 Bachok Kelantan sebagaimana berikut:

- | | | |
|------------------------------|---|---|
| 1. (A) JAWATAN | : | PENOLONG JURUTERA (BANGUNAN) GRED JA29 |
| (B) KEKOSONGAN | : | 1 |
| (C) NO. FAIL | : | MDB 199/33/10/2022(1) |
| (D) KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | PELAKSANA |
| (E) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | : | KEJURUTERAAN |
| (F) TARAF JAWATAN | : | CONTRACT FOR SERVICE (CFS) |
| (G) GRED GAJI | : | KONTRAK |
| (H) JADUAL GAJI | : | GAJI MINIMUM : RM 1,549.00 |
| | : | GAJI MAKSIMUM : RM 5,701.00 |
| | : | KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 145.00 |

▪ **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM 1,549.00); atau
 - Diploma dalam bidang kejuruteraan dan seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred JA29 : RM 1,935.02)

▪ **Syarat Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.

▪ **Deskripsi tugas :**

- Mahir dalam menyediakan pelan bangunan, pelan landskap, dan reka bentuk 3D.
- Mempunyai pengalaman berkaitan bangunan.
- Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas berkaitan.

2. (A) JAWATAN	: PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29
(B) KEKOSONGAN	: 1
(C) NO. FAIL	: MDB:199/33/12/2022(2)
(D) KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
(E) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PERTANIAN
(F) TARAF JAWATAN	: CONTRACT FOR SERVICE (CFS)
(G) GRED GAJI	: KONTRAK
(H) JADUAL GAJI	: GAJI MINIMUM : RM 1,494.00
	: GAJI MAKSIMUM : RM 5,674.00
	: KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 145.00

▪ **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,494.00); atau
 - ii. diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,847.86)

▪ **Syarat Bahasa Melayu:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

▪ **Deskripsi Tugas :**

Membantu merancang aktiviti-aktiviti penerangan berhubung dengan polisi projek, menghadiri ceramah, dialog, kursus/latihan, memberi taklimat dan menerbitkan risalah dan bahan terbitan berhubung dengan projek pertanian.

3. (A) JAWATAN	: PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19	
(B) KEKOSONGAN	: 3	
(C) NO. FAIL	: MDB: 199/12/4/2022(3)	
(D) KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA	
(E) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENGUATKUASAAN	
(F) TARAF JAWATAN	: CONTRACT FOR SERVICE (CFS)	
(G) GRED GAJI	: KONTRAK	
(H) JADUAL GAJI	: GAJI MINIMUM	: RM 1,360.00
	: GAJI MAKSIMUM	: RM 4,052.00
	: KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM 100.00

▪ **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. warganegara Malaysia; dan

b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c.

- I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
- II. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
- III. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,416.40); atau
- IV. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,472.80)

d. dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- I. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- II. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- III. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- IV. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- V. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- VI. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- VII. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

▪ **Syarat kelayakan bahasa melayu;**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara 2(c)(i), 2(c)(iii) dan 2(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. (A) JAWATAN	: PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19
(B) KEKOSONGAN	: 1
(C) NO. FAIL	: MDB: 199/1/62/2022(3)
(D) KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
(E) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
(F) TARAF JAWATAN	: CONTRACT OF SERVICE (COS)
(G) GRED GAJI	: KONTRAK
(H) JADUAL GAJI	: GAJI MINIMUM : RM 1,377.00
	: GAJI MAKSIMUM : RM 4,052.00
	: KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 100.00

▪ **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a.warganegara Malaysia; dan

b.berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c.

- I. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,377.00); atau
- II. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau
- III. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau
- IV. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)
- V. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)

▪ **Syarat kelayakan bahasa melayu;**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara 2(c)(i), 2(c)(iii) dan 2(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

▪ **Deskripsi tugas;**

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

5 (A) JAWATAN	: PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19
(B) KEKOSONGAN	: 2
(C) NO. FAIL	: MDB 199/33/10 (5)
(D) KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
(E) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
(F) TARAF JAWATAN	: KONTRAK (CFS)
(G) JADUAL GAJI	: GAJI MINIMUM : RM 1,353.00
	: GAJI MAKSIMUM : RM 4,005.00
	: KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 100.00

▪ **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji Permulaan pada Gred W19 : RM 1,353.00); atau
 - ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40); dan
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40).
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80) atau
 - v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80)

▪ **Syarat kelayakan Bahasa Melayu:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

▪ **Deskripsi tugas:**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

6. (A) JAWATAN	: PEMANDU KENDERAAN GRED H11
(B) KEKOSONGAN	: 1
(C) NO. FAIL	: MDB: 199/12/6/2022(4)
(D) KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
(E) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
(F) TARAF JAWATAN	: CONTRACT FOR SERVICE (CFS)
(G) GRED GAJI	: KONTRAK
(H) JADUAL GAJI	: GAJI MINIMUM : RM 1,218.00
	: GAJI MAKSIMUM : RM 2,939.00
	: KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 80.00

▪ **Syarat lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a.warganegara Malaysia; dan

b.berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- I. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- II. lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- III. berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
 - a) Lesen D: RM1,264.15
 - b) Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
 - c) Lesen F/H: RM1,356.45
 - d) Lesen G/I: RM1,402.60

- **Syarat kelayakan bahasa melayu;**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **Deskripsi tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.

7. (A) JAWATAN	: PENGHANTAR NOTIS GRED N11
(B) KEKOSONGAN	: 1
(C) NO. FAIL	: MDB: 199/1/13/2022(5)
(D) KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
(E) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIR DAN SOKONGAN
(F) TARAF JAWATAN	: CONTRACT FOR SERVICE (CFS)
(G) GRED GAJI	: KONTRAK
(H) JADUAL GAJI	: GAJI MINIMUM : RM 1,216.00
	: GAJI MAKSIMUM : RM 2,983.00
	: KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 80.00

- **Syarat lantikan;**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. warganegara Malaysia; dan

b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

(Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,216.00)

- **Syarat kelayakan bahasa melayu:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

- **Deskripsi tugas:**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penghantaran notis dan dokumen berkaitan kepada semua pihak yang berurusan dengan organisasi.

CARA MEMOHON:

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan Jawatan MDBBPI.1 berharga RM3.00 atau mengirim sampul beralamat sendiri berukuran 32 cm x 22 cm beserta wang pos bernilai RM3.00 di atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam serta setem ke alamat berikut atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, 16300 Bachok, Kelantan.
2. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM,
16300 BACHOK KELANTAN.**

3. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
4. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

Tarikh tutup permohonan: 14 JUN 2022